

# KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

## PANDANGAN ATAS KEPUTUSAN MUKTAMAR SERUAN ISLAM TENGGARA ASIA

Di antara keputusan-keputusan yang di ambil di dalam Mukhtamar Seruan Islam Tenggara Asia yang diadakan pada 24 dan 25 Disember 1950 di Singapura ialah (1) mendirikan Universiti Islam dengan nama Universiti Islam Tenggara Asia, (2) menubuhkan pertubuhan Seruan Islam yang tetap meliputi tenggara Asia, (3) Menyokong derma dan mengambil langkah yang perlu atas perkara Nadrah dan (4) meminta kerajaan Saudi menghapuskan cukai haji – demikianlah ringkasnya keputusan-keputusan yang utama yang diambil oleh persidangan itu yang beritanya; lanjutnya telah pun tersiar di dalam akhbar-akhbar harian sesudah persidangan itu ditamatkan. Orang-orang yang hadir di dalam perjumpaan Tenggara Asia yang di luar daripada Semenanjung Tanah Melayu hanya wakil dari Philippines sahaja sedang wakil-wakil Islam yang besar pengaruhnya melingkungi negara Indonesia yang merdeka itu tidak seorang pun yang hadir.

## INDAH KHABAR DARI RUPA?

(oleh Ahmad Lutfi)

Sebelum lagi persidangan ini diadakan di dalam Qalam bilangan 4 (bulan November 1950) saya telah menulis dan mengulas rancangan mengadakan muktamar ini dengan berterus-terang yang menurut pandangan saya bahawa rancangan itu tidak akan membawa natijah mengikut kegemaran penduduk di Singapura khasnya dan Semenanjung Tanah Melayu amnya oleh kerana menurut pandangan saya mereka akan merundingkan perkara-perkara yang besar yang meliputi umum yang sukar hendak menjalankannya pada hal pada masa ini tenaga dan fikiran-fikiran dikehendaki semata-mata lebih dahulu dikehendaki meletakkan batu binaan yang membawa faedah kepada penduduk-penduduk di sini lebih dahulu sebelum tenaga-tenaga itu digunakan untuk faedah di luar daripada daerah kita. Bagaimana kita hendak mengirim atau hendak menghantar penyeru-penyeru Islam dari Singapura ini kalau keadaan di sini lagi terlampau banyak berkehendak tenaga dan tenaga yang ada di sini belum lagi mencukupi untuk membetulkan hal ehwal

di sini, apalagi daripada lingkungan kita di sini – kita di sini masih lagi kucar-kacir – kita berhajat tenaga dari luar untuk menolong, untuk membantu kehendak-kehendak bagi menyempurnakan tanggungan kita.

Saya telah mengatakan bahawa sepatutnya apabila ada rancangan yang dihajat oleh Sahib al-Fadhilah Maulana Abdul Alim as-Siddiqi dibawa ke mari maka rancangan itu yang kita kehendaki ialah binaannya, kerjanya yang bermanfaat untuk menyempurnakan masyarakat kita sebab saya telah memandang apa yang telah direncanakan olehnya pada tahun 1948 dahulu seperti mendirikan Kolej Islam, membuat tafsir dalam bahasa Melayu yang besar dan dan dan itu hingga hari ini belum lagi menerima tajaan. Tetapi dengan malangnya oleh kerana saya menggambarkan dan memberi pandangan yang berterus-terang itu yang menuntut supaya tiap-tiap langkah yang akan dilakukahkan oleh Sahib al-Fadhilah itu hendaklah dirunding dan difikirkan dengan saksama supaya jangan menjadi syak wasangka orang-orang ke atas dirinya sebagaimana yang telah terjadi sangkaan-sangkaan di Indonesia yang buruk yang saya sendiri sangat-sangat



*Suatu pemandangan di dalam persidangan “Seruan Islam Tenggara Asia” yang diadakan pada 25 Disember 1950 yang lalu.*

*Di sebelah kanan Maulana Abdul Alim as-Siddiqi ialah Tuan Basyir Malal yang sedang membacakan keputusan-keputusan yang diambil oleh muktamar itu. Mudah-mudahan dapat kita melihat buahnya daripada keputsan yang tersebut.*

berdukacita mendengar sangkaan sedemikian itu buruknya telah tergamak didatangkan oleh orang-orang Indonesia ke atas diri beliau yang semenjak dari mudanya telah mempunyai cita-cita yang satu dan kuat iaitu mengadakan seruan-seruan Islam yang bolehlah diakui belum ada dilakukan oleh orang-orang seperti yang tetapi dengan adanya begitu sahaja tidaklah bermakna selagi kaedah-kaedahnya tidak disesuaikan olehnya kepada keadaan tempat dan daerah yang telah dikunjungi.

Demikianlah sebahagian orang salah tempa kepada tulisan saya itu bahkan Sahib al-Fadhilah itu sendiri telah pun menuduh yang saya telah menuduh ke atas diri beliau dengan tuduhan-tuduhan itu pada hal saya telah menyatakan, sehingga mereka itu tergamak “yang maknanya jika saya sebut “polan telah tergamak menuduh orang ini begini dan begini” ertinya diketahui oleh orang Melayu bahawa tuduhan ke atas orang itu tidak saya gemari dan terlampau. Malangnya erti bahasa itu telah dimaknakan tidak menepati ertinya yang menjadikan Sahib al-Fadhilah itu tatkala bercakap dengan saya telah

menyangka tuduhan itu daripada saya kepada batang tubuh beliau.

## SIAPA PENGISI UNIVERSITI?

Sekarang marilah kita tinggalkan perkara ini dan kita pandang apa kesan daripada keputusan yang diambil itu tahun 1948 Kolej atau Kuliah Islam dicadangkan – belum lagi berdiri dan sekarang dicadangkan pula sebuah Universiti atau Jamiah bagi Tenggara Asia. Keputusan ini sangat baik dan mulia tetapi daripadanya saya percaya orang ramai akan bertanya (1) adakah mampu orang Islam membelanjakan dan mendirikannya pada hal kolej yang ada belum lagi terasas dan berupaya didirikan sekalipun rumahnya telah ada? (2) Siapa yang bakal menjadi pengisi atau menjadi penuntut atau mahasiswa – kata orang Indonesia – di dalam universiti itu?


Menurut pendapat saya keadaan ini akan menjadi indah khabar daripada rupa, bagi sementara waktu akan menjadi seperti keadaan “pungguk merindukan bulan” oleh kerana sebagaimana yang kita maklum hingga hari ini orang kita di Semenanjung Tanah Melayu, masih berhajat kepada wang yang banyak untuk membetulkan satu-satu tempat dan satu-satu daerah masing-masing wang zakat dan fitrah yang dikumpulkan oleh kerajaan-kerajaan Melayu di masing-masing daerah itu belum lagi dapat mencukupi bahkan jauh daripada mencukupi untuk mengadakan binaan masyarat yang lebih aila bagi daerah masing-masing untuk membetulkan daerah-daerah mereka itu sendiri di dalam perkara menyelenggarakan ilmu pengetahuan dan mengadakan seruan-seruan bagi agama Islam kita yang mulia – apalagi keadaan kita yang buruk di Singapura ini sudah tentu lebih berhajat kepada binaan yang lebih sempurna yang wajib didahulukan sebelum hal ehwal di luar dan lebih besar yang hendak dibuat sebab agama Islam mengajar bahawa tiap-tiap masyarat itu masing-masing hendaklah

membetulkan masyarakat mereka baharu membetulkan masyarakat orang lain.

Kalaupun universiti kita berdiri maka yang menjadi soal yang kedua siapakah yang akan mengisi universiti itu? Kita telah memandangi perkara yang besar, yang megah, yang tinggi serta mulia tetapi kita tidak melihat dan seolah-olah melupakan bahawa madrasah-madrasah agama kita tidak teratur, masing-masing guru, masing-masing mengajar mengikut kaedahnya, di Johor lain kaedahnya mengajar dan lain pelajarannya, di Kedah begitu dan di Kelantan begitu dan sedang Singapura yang berdiri Pertubuhan Seruan Islam Se-Malaya tidak berupaya menyusun persamaan pelajaran di antara sebuah madrasah dengan sebuah madrasah apalagi mengadakan madrasah-madrasah yang lebih banyak yang patut dibina bagi melayakkan mereka-mereka memasuki universiti yang akan mendapat faedah di dalamnya.

Sekolah guru (normal) bagi guru-guru itu lebih aula ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu ini, menurut pendapat saya, daripada kita mengadakan universiti. Hal ini sepatutnya dengan ketibaan Sahib al-Fadhilah Maulana Abdul Alim sepatutnya memandangi perkara ini lebih dahulu sebab

sesuatu binaan itu tidak akan menjadi dan tidak akan berjaya kalau dasarnya dibentuk daripada atas tidak daripada bawah. Jamiah ad-Dakwah al-Islamiah patut memerhati dan mengkaji bagaimana caranya binaan dan usaha yang dijalankan oleh Muhammadiyah (yang utamanya di Indonesia) membanyakkan madrasah-madrasah agama di mana-mana ceruk serata-rata Indonesia dengan pelajaran yang satu yang kemudiannya hidup dengan subur dengan bantuan lain-lain pertubuhan dan kemudian setelah berdiri baharulah mereka mendirikan sekolah “normal” dan kemudian sekolah menengah dan baharulah dalam masa yang akhir ini dibina Universiti Islam yang sungguhpun belum dapat dibanggakan oleh umat Islam di Indonesia tetapi mereka sudah berusaha dan sedang berusaha untuk menjayakannya binaan itu dari bawah, bukan dari atas dan kalau dari atas maka keadaannya sama seperti dengan keadaan Universiti Malaya yang menjadi penuntut-penuntutnya sedikit sangat daripada orang-orang Melayu jika dinisbahkan negeri ini ialah negeri Melayu. Inilah yang patut dikaji dan diperhati jika sebenarnya hendak membina bukannya hendak mencari kemegahan apalagi keadaan-keadaan masyarakat kita pada masa ini sangat



*Sebahagian daripada wakil-wakil di dalam Mukhtar Seruan Islam Tenggara Asia yang diadakan di Singapura pada 25.12.50 yang lalu.*

*Yang di hujung sebelah kiri berbaju hitam dan bersongkok ialah Sahib al-Fadhilah Haji Ismail Hamzah Mufti Perak dan di tengah-tengah ber-neck tie hitam bersongkok putih ialah Tuan Haji Ibrahim Tie Beng Ma.*

mengkehendaki beberapa banyak adanya rumah-rumah yatim piatu, rumah-rumah miskin dan sebagainya yang patut dibina bagi memperbaiki bentuk masyarakat bagi memberi petunjuk kepada dunia bahawasanya masyarakat di Singapura adalah berkerja untuk ramai dan hartawan-hartawannya mengorbankan hartanya dan tenaganya untuk kepentingan masyarakat bukannya mengeluarkan hartanya bagi mencari kemegahan diri supaya terkemuka atau dikemukakan; atau terpuji dan supaya mencari jalan mendapat pujian.

## APA YANG PATUT DIBUAT

Sekarang kita masuk pula kepada masalah yang kedua berkenaan dengan keadaan seruan Islam. Seruan Islam ini sebenarnya adalah sangat mustahak dan sangat perlu kepada binaan yang kuat dan bermakna. Seruan-seruan itu tidak akan berjaya dengan hanya di atas namanya sahaja tetapi tidak di dalam pekerjaannya. Kita tidak boleh menyeru atau kita tidak mesti mengadakan seruan kepada orang lain sebelum orang-orang kita dapat disempurnakan keadaannya kerana dengan kita hanya menyeru kepada orang yang bukan Islam tetapi kita tidak mengadakan binaan atau mengadakan seruan membetulkan orang-orang kita maka



*Sebahagian daripada hadirin yang telah hadir di dalam Persidangan Seruan Islam Tenggara Asia di dalam persidangan pembukaannya pada 24.12.50.*

yang demikian itu kelak sudah tentu akan menjadi seperti kata pepatah “yang dikejar tak dapat, yang dikendong bercirikan”.

Kita mengetahui dan kita telah memandang bagaimana keadaan masyarakat kita. Kita telah melihat di hadapan mata kita setiap saat dan setiap masa orang-orang kita telah melanggar ajaran-ajaran Islam dengan berterang-terang di hadapan mata kita bahkan yang demikian itu telah pun dilakukan juga oleh orang-orang yang berasal daripada keturunan yang membawa agama di dalam negeri ini dengan tidak menaruh silu dan segan lagi. Hal ini adalah lebih dahulu patut diperbaiki dengan memberikan binaan kepada pelajaran-pelajaran bagi anak-anak kita yang kecil-kecil dan di sebalik itu mengadakan keterangan-keterangan dan pelajaran-pelajaran dengan berbagai-bagai kaedah dan cara yang dapat disesuaikan dengan keadaan dan lingkungan mereka itu supaya mereka berbalik kepada jalan yang siuman dan supaya mereka itu mesra dengan pelajaran-pelajaran Islam kerana kemesraaan itu tidak akan didapati dengan semata-mata kita menunjukkan ini halal itu haram, ini mubah itu makruh, kata qil ini, kata qil itu dengan tidak mengambil tau kepada perubahan dan peredaran masa menyesuaikan cara-caranya mengikut ajaran-ajaran

al-Quran dan al-Hadis sahaja.

Seseorang tidak akan takut kepada hukuman-hukuman yang akan didatangkan kepada mereka sekiranya ia tidak mengetahui mengapa dan bagaimana sebab-sebabnya ia akan dikenakan hukuman-hukuman itu dan sebab-sebabnya itu tidak lain melainkan bergantung kepada menghidupkan roh dan iman mereka beriman kepada Allah Subhanahu wa Taala dan inilah ia seruan-seruan yang utama yang mesti dikehendaki dijalankan dengan mengadakan kerjasama yang rapat di antara ulama-ulama dengan orang-orang yang berkemajuan barat serta ulama tidak

mengasingkan diri daripada mereka itu dan mereka itu tidak mengasingkan diri daripada ulamanya.

Jauhkan perasaan berpegang kuat kepada barang yang khilaf itulah anjuran seruan Islam yang menurut pendapat saya wajib diutamakan. Mengekalkan tiap-tiap seorang itu bekerja membina masyarakat sebagai seruan Islam di sebalik seruan menyuruh mereka beribadat dan bertakawa kepada Allah itulah kewajipan ulama dan percayalah sekiranya pihak-pihak ulama tidak mengutamakan maslahat dan kedudukan orang-orang umum maka mereka itu akan meninggalkan masyarakat dan masyarakat akan meninggalkan mereka itu.

Ringkasnya bahawa semua keputusan yang diambil oleh persidangan itu daripada apa yang telah tersiar itu adalah menjadi suatu tanda tanya orang-orang Islam di sini adakah keputusan itu boleh dijalankan dan diselenggarakan oleh orang-orang kita. Melihat kepada keadaan yang telah lalu dan melihat kepada contoh-contoh yang telah ada yang pernah dilihat oleh orang-orang Islam di sini sudah tentu mereka akan berpendapatan bahawa pekerjaan itu adalah sangat payah dan harus tidak akan dapat dijalankan dan ia akan tinggal di atas kertas sahaja sebagaimana juga keputusan-keputusan yang telah lalu. Hal yang demikian ini adalah dapat kita lihat daripada ucapan wakil-wakil tatkala menutup persidangan itu yang dapat disimpulkan bahawa seolah-olahnya mereka itu mengambil keputusan itu sebagai orang yang tidak menaruh cukup harap akan jayanya.

Sahib al-Fadhilah Tuan Haji Ismail Hamzah Mufti Perak di antara lain-lain ada berkata bahawa bekerja dengan tidak ada amal itu tidak ada maknanya dan meninggalkan pekerjaan yang telah dikatakan itu adalah seperti sifat-sifat orang yang tidak bermalu: Al-Ustaz Haji Ahmad Fuad pula di dalam harapannya supaya usaha-usaha dijalankan berharap mudah-mudahan agama Islam itu dipandang semula oleh orang



*Sahib al-Fadhilah Maulana Abdul Alim as-Siddiqi  
yang Di-Pertua Persidangan Seruan Tenggara  
Asia sedang mendengar keputusan-keputusan yang diambil  
oleh persidangan itu yang dibaca  
oleh Tuan Basyir Malal.*

lain dengan menjalankan ikhtiar-ikhtiar supaya tiap-tiap seorang Islam itu dapat menunjukkan perangai dan kelakuan serta sopan santun mengikut ajaran-ajaran yang telah ditunjukkan oleh agama Islam – yang saya percaya bahawa ajaran-ajaran itu tidak dapat dilaksanakan selagi binaan masyarakat di dalam sesuatu tempat itu tidak diusahakan lebih dahulu; Raja Nuruddin dari Negeri Sembilan pula mengingatkan supaya panasnya yang ada sekarang ini biarlah berkekalan bagi selama-lamanya.

Ini semuanya menjadi suatu pengertian kepada saya bahawa sungguhpun sebahagian daripada wakil-wakil itu yakni wakil-wakil yang tidak meliputi seluruh Tenggara Asia sebagaimana yang dimaksud, adalah tidak mempunyai kepercayaan yang penuh akan kejayaan keputusan-keputusan itu dapat dilaksanakan sebagaimana yang dimaksud adanya.

---

Orang-orang yang sebenar-benarnya kaya itu ialah orang yang kaya hati – al-Hadis diriwayatkan oleh Bukhari